



KERAJAAN MALAYSIA



SPAD

**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL.4 TAHUN 2012**

**HAD USIA BAGI MELESENKAN KENDERAAN BARANGAN UNTUK
PERMOHONAN LESEN BARU DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 15 MEI 2012

Semua Persatuan Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barangan Semenanjung Malaysia
Semua Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barangan di Semenanjung Malaysia
Semua Pejabat SPAD Negeri

HAD USIA BAGI MELESENKAN KENDERAAN BARANGAN UNTUK PERMOHONAN LESEN BARU DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menetapkan had usia bagi melesenkan kenderaan barangan untuk permohonan lesen baru di Semenanjung Malaysia.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. SPAD telah memutuskan untuk penetapan had usia bagi melesenkan kenderaan barangan tidak melebihi sepuluh (10) tahun usia dari tarikh dibuat bagi permohonan lesen baru di Semenanjung Malaysia.
3. Bagi permohonan memperbaharui lesen, tiada perubahan kepada had usia kenderaan barangan sehingga diberitahu kelak.
4. Keputusan ini dibuat bertujuan:
 - a. Bagi mempertingkatkan aspek keselamatan dan aspek fizikal kenderaan barangan yang beroperasi di Semenanjung Malaysia.
 - b. Mengurangkan kadar kenderaan barangan yang menyumbang kepada kemalangan dan pencemaran alam sekitar.
 - c. Persediaan untuk bersaing dengan negara jiran bagi aktiviti 'cross-border'.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini akan berkuatkuasa pada 15 Ogos 2012.

PENUTUP

6. Semua Pejabat SPAD Wilayah dipohon untuk memaklumkan kepada kakitangan dan pegawai yang bertanggungjawab serta pengendali kenderaan barangan yang berdaftar di wilayah masing-masing berhubung had usia bagi melesenkan kenderaan barangan tidak melebihi sepuluh (10) tahun untuk permohonan lesen baru di Semenanjung Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(AZHAR BIN AHMAD)
Ketua Pegawai Operasi
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

15 MEI 2012